

01 AUG 1997

Malaysia-Pakistan (Bergambar)

MALAYSIA TAWAR PENGALAMAN PENSWASTAAN KEPADA PAKISTAN

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Malaysia menawarkan kepada Pakistan untuk mengkaji kejayaan pelaksanaan dasar penswastan di negara ini dalam usaha memperluaskan lagi hubungan dua hala yang terjalin baik.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata para pegawai Pakistan akan diberikan kemudahan untuk mengikuti kursus dalam bidang berkenaan yang dikendalikan di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat tawaran itu kepada rakan sejawatannya dari Pakistan Nawaz Sharif dalam pertemuan mereka di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

"Pakistan ingin mempelajari daripada kita hal-hal berkaitan dengan penswastan disebabkan pengalaman kita yang lama dalam bidang ini," kata Abdullah kepada pemberita selepas pertemuan itu yang disusuli perbincangan peringkat delegasi.

Katanya, kedua-dua Perdana Menteri telah bersetuju supaya hubungan dua hala antara Pakistan dan Malaysia diperluaskan untuk meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti sains dan teknologi, pendidikan, penswastan dan pertahanan.

Perdana Menteri Pakistan itu yang tiba semalam untuk lawatan empat hari, turut dijadual mendengar taklimat di Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri -- agensi yang bertanggungjawab menggubal dasar, strategi dan program pembangunan ekonomi negara termasuk penswastan.

Abdullah berkata perbincangan antara Dr Mahathir dan Nawaz bertumpu kepada dasar-dasar dan pendekatan pembangunan yang dilaksanakan di negara ini.

Katanya Pakistan juga menyatakan harapan untuk menggalakkan pembabitan swasta dalam pembangunan negara itu sebagaimana dasar Persyarikatan Malaysia yang dijalankan di negara ini.

Kedua-dua Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Inno-Enhance Sdn Bhd, anak syarikat milik Larut Consolidated Berhad, dengan kerajaan Punjab dan Lembaga Perindustrian Punjab untuk mewujudkan zon pemprosesan eksport di Pakistan.

Satu memorandum persefahaman mengenai kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara turut ditandatangani selepas perbincangan delegasi itu. Malaysia diwakili Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Azizan Husain manakala Pakistan diwakili Setiausaha Pertahanan Lt Jen Iftikhar Ali Khan.

Abdullah berkata bidang pertahanan merupakan kerjasama baru antara kedua-dua negara merangkumi aspek latihan para pegawai tentera masing-masing dan kemungkinan bekerjasama dalam bidang industri pertahanan.

Dalam bidang pendidikan, Dr Mahathir berharap Pakistan memberikan peluang kepada para pelajar Malaysia mengikuti pengajian kedoktoran, farmasi dan pergigian di universiti-universiti di sana.

Katanya kedua-dua pemimpin juga membincangkan mengenai hubungan serantau termasuk Asean. Dr Mahathir menyambut baik kedudukan Pakistan sebagai rakan dialog sektor Asean -- satu status baru bagi Pakistan dalam meningkatkan hubungan dagang dengan Asean.

Pakistan juga menunjukkan minat untuk menyertai Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Mesyuarat Asia-Eropah (Asem).

Menurut Dr Mahathir, apa juga berkaitan permintaan untuk menjadi anggota perlulah dibincangkan dengan anggota-anggota lain organisasi berkenaan.

Mengenai Kashmir, Dr Mahathir menyatakan bahawa Malaysia menyambut baik usaha yang dimulakan oleh Pakistan dan India untuk berunding secara damai bagi menyelesaikan masalah itu.

Kedua-dua pemimpin turut berharap kestabilan politik dapat diwujudkan semula di Afghanistan supaya pembangunan dapat diusahakan.

"Mereka menyentuh mengenai jalan melalui Afghanistan untuk memasuki Asia Tengah tetapi disebabkan pada waktu ini keadaan di Afghanistan tidak begitu stabil, maka susahlah untuk kita menggunakan jalan itu." kata Abdullah. -- BERNAMA

AZZ NMO RON